



NUR Masitah
sekadar
di tempat kedua
dengan 569
(766.4 mata).

Penembak Iran terus tutup peluang trio negara

Oleh Mohd Ali Majid
bhsukan@bharian.com.my

PENEMBAK Iran terus membuktikan kehebatan mereka apabila terus menguasai acara 25 meter pistol perseorangan dan berpasukan, sekali gus mengetepikan peluang trio negara yang kembali beraksi selepas digantung, melakar kejayaan di Kejohanan Piala Ally Ong, semalam.

Biarpun cuba disaingi Siti Nur Masitah Mohd Badrin, Bibiana Ng Pei Chin dan Joseline Cheah, namun nyata Zainab Ramezani lebih hebat dengan catatan 572 mata pada saingan kelayakan dan mengumpul 773.6 mata pada saingan akhir.

Sebaliknya, Siti Nur Masitah sekadar di tempat kedua dengan 569 (766.4 mata), manakala Bibiana di tempat ketiga dengan 567 (763.7 mata).

Iran turut memenangi acara berpasukan selepas mengumpul 1,696 mata diikuti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang memperolehi 1,676 mata dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di tempat ketiga (1,671 mata).

KEPUTUSAN

10m rifle (Perseorangan) -

- 1 Nur Suryani Mohd Taibi (ATM) 394 (497.4 mata);
- 2 Mahjoub Sedat Jalail Moussavi (Iran) 390 (492.0);
- 3 Nur Ayuni Farhana (Pah) 390 (490.9).

Berpasukan - 1 ATM

- (1,171);
- 2 Iran (1,157);
- 3 Melaka (1,152).

25m pistol (Perseorangan)

- 1 Zainab Ramezani (Iran) 572 (773.6);
 - 2 Siti Nur Masitah Mohd Badrin (Pah) 569 (766.4);
 - 3 Bibiana Ng Pei Chin (PDRM) 567 (763.7)
- ### Berpasukan - 1 Iran (1,690 mata);
- 2 ATM (1,676);
 - 3 PDRM (1,674).

50m pistol (Persorangan)

- 1 Alais Neek Sulong (ATM) 546 (630.6);
- 2 Ebrahim Barkhordari (Iran) 532 (627.2);
- 3 Hasli Izwan Amir Hassan (Prk) 535 (622.8).

Berpasukan - 1 ATM

- (1,594);
- 2 Selangor (1,507);
- 3 Johor (1,488).

Kehampaan penembak negara dalam acara pistol ditebus penembak raifal, Nur Suryani Mohd Taibi yang memenangi acara 10m

air rifle dengan 394 mata pada saingan kelayakan dan 497.4 pada saingan akhir.

Penembak Iran, Mahjoub Sedat Jalail Moussavi di tempat kedua dengan 390 (492.0 mata), manakala Nur Ayuni Farhana dengan 390 (490.0 mata) di tempat ketiga.

Nur Suryani yang mewakili ATM membantu pasukannya muncul juara selepas mengumpul 1,171 mata, manakala Iran di tempat kedua (1,157 mata) dan Melaka di tangga ketiga (1,152 mata).

Sementara itu, Alais Neek Sulong yang dikecewakan penembak Iran, Ebrahim Barkhordari dalam acara 10m air pistol kelmarin menebus kehampaan dengan menjuarai acara 50meter pistol.

Alais muncul juara dengan catatan 546 mata pada saingan awal dan mengumpul 630.6 mata berbanding Ebrahim 532 (627.2 mata) dan Hasli Izwan Amir Hassan 535 (622.8 mata).

Iran yang mengumpul 11 emas, 5 perak dan 4 gangasa (11-5-4) muncul juara keseluruhan kejohanan, diikuti ATM di tempat kedua (9-5-6) dan Selangor (3-4-2).